

Headline	Bersikap profesional dari memahami		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	410 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,391
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,173



# Bersikap profesional dan memahami

**M**UHAMMAD Ali, legenda tinju dan ikon sukan terbilang sepanjang zaman telah meninggalkan kita beberapa hari sebelum kita menyambut bulan Ramadan. Beliau sememangnya dikenali sebagai seorang yang amat profesional dan merendah diri meskipun dikagumi seluruh dunia. Sikap profesionalnya menyebabkan rakan dan pesaingnya di arena tinju amat menghormatinya.

Sampai sekarang pun, setiap kata-kata dan aksinya dingati oleh peminat tinju antarabangsa. Itulah penangan seorang yang benar-benar komited dan profesional dalam kerjaya sehinggakan bukan setakat beliau memahami kehendak peminat sukan tinju dengan aksi-aksinya yang terbaik setiap kali perlawanan berlangsung tetapi juga peminatnya amat memahami dan menyenangi sikapnya di dalam mahupun di luar gelanggang.

Sewajarnya beliau dijadikan iktibar oleh para atlet dan ahli sukan lain. Malah, kepada sesiapa sahaja yang sewajarnya bekerja secara profesional dan cuba memahami kehendak pelanggan dan majikan agar orang lain pun memahami kita. Kebetulan pula, pada hari pemergian beliau buat selama-lamanya juga adalah hari terakhir buat tokoh korporat Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar sebagai senator merangkap Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagai seorang akauntan bertauliah, Abdul Wahid bekerja secara profesional meskipun dikelilingi oleh ahli-ahli politik. Cara beliau bekerja cukup mudah. Fokus terhadap kerja agar dapat menjalankan amanah dengan sebaik mungkin. Pada masa sama, sentiasa bersikap profesional dengan menjawab setiap persoalan yang dibangkitkan oleh ahli-ahli politik, wartawan dan rakyat menggunakan pendekatan fakta yang berasaskan kebenaran. Maka dengan itu beliau sentiasa disenangi oleh rakan-rakan mahupun pesaing.

Muhammad Ali dan Abdul Wahid berada dalam dunia pekerjaan yang berbeza sama sekali. Namun, menunjukkan contoh yang sama iaitu bersikap profesional pada setiap masa.

Ini mengingatkan saya kisah seorang pemandu teksi pada Khamis lalu. Pada hari tersebut, saya dan rakan-rakan lain mengambil teksi dari KL Sentral ke Lapangan Terbang, Subang untuk pulang ke Kedah, sejurus selesai menjalani urusan rasmi di Cyberjaya, Selangor.

Pemandu teksi itu cukup ramah. Dari awal perjalanan

di KL Sentral sehinggalah tiba di Lapangan Terbang Subang, dia tidak habis-habis berbual dengan kami. Lebih-lebih lagi, rakan saya pula teruja melayan kata-katanya. Sememangnya sikapnya yang ramah ini baik buat pelanggan seperti kami. Sekali pandang nampak seperti bekerja secara profesional. Namun, sebaliknya, apa yang diucapkannya tidak langsung mengambil kira sensitiviti pe-

numpang.

Ini kerana dia tidak lekang menyatakan rasa tidak puas hati dengan senario politik masa kini. Seolah-olah berlagak seperti ahli politik mengetahui apa yang diucapkannya. Mungkin ini adalah satu strategi kempen. Maklumlah dua tahun lagi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) bakal berlangsung, maka ini masa yang sesuai dengan pendekatan berkempen sebegini bagi parti-parti politik tertentu.

Saya hanya mendengar kata-katanya. Apa yang memeranjatkan saya ialah dia yang bukan beragama Islam berlagak seolah-olah mengetahui tentang institusi yang cukup disanjung oleh orang Islam Malaysia, iaitu Tabung Haji. Tidak diketahui di manakah maklumat yang dibacanya sehinggakan cukup berani menyatakan kepada kami kononnya kos mengerjakan haji lebih murah berbanding kos yang ditetapkan Tabung Haji terhadap jemaah haji.

Angka yang disebutkan itu salah sama sekali berbanding dengan kos sebenar mengerjakan haji. Malang sekali, kerana dirinya dibalut dengan momokan fitnah oleh segelintir pihak yang taksud dengan politik kebencian sehinggakan fitnah bertebaran tanpa disokong dengan fakta.

Maka, tidak hairanlah terdapat segelintir pendeposit Tabung Haji mengeluarkan wang simpanan mereka semata-mata termakan dengan hasutan dan fitnah sebegini. Amat menghairankan, bagaimana seseorang bukan Islam sepertinya amat prihatin mengenai Tabung Haji. Walhal, Tabung Haji itu adalah institusi Islam yang diiktiraf dunia yang hanya terlibat untuk membantu orang Islam Malaysia mengerjakan haji.

Nampaknya, jelas kelihatan segelintir orang bukan Islam cukup teruja mengambil tahu mengenai Islam, orang Islam dan institusi Islam. Sememangnya perkara ini cukup baik kerana mengambil tahu akan membuatkan kita memahami antara satu sama lain.

Tetapi malang, sebaliknya berlaku apabila apa yang diketahui hanyalah perkara-perkara fitnah dan akhirnya disebarkan kepada orang Islam. Bagi sesiapa yang tidak mengetahui fakta pastinya mudah terkeliru dan akhirnya mempercayai kata-kata pemandu teksi ini.

Saya difahamkan olehnya bahawa dirinya juga adalah pemandu pelancong. Jadi, amat malang sekali jika sikap yang sama ditunjukkan kepada pelancong asing yang datang melawat negara kita. Walhal, sektor pelancongan adalah antara enjin pertumbuhan ekonomi negara pada masa kini. Jika sikap memburuk-burukkan negara seperti ini disebarkan kepada pelancong asing, maka reputasi dan imej negara juga akan terjejas.

Sememangnya hanya segelintir pemandu teksi sepertinya yang bersikap tidak profesional, namun bak kata pepatah, kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Sepanjang pengalaman saya menggunakan perkhidmatan teksi di luar negara, tidak pernah saya alami sikap pemandu teksi sepertinya. Mereka cukup profesional dalam serba serbi. Pemandu teksi seperti ini perlu banyak belajar untuk bekerja secara profesional, lebih-lebih lagi perkhidmatan yang ditawarkan membabitkan orang ramai dalam pelbagai lapisan masyarakat.

**DR. ROHAMI SHAFIE** ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) Kolej

Headline	Bersikap profesional dari memahami		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	410 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,391
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,173

Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia.



**Sememangnya  
hanya segelintir**

**pemandu teksi  
sepertinya yang  
bersikap tidak  
profesional,  
namun bak kata**

**pepatah, kerana nila  
setitik, rosak susu  
sebelanga."**